36

# DRAMA BERSIRI 'SANTAN BERLADA'
# SATU TINJAUAN TERHADAP PENDAPAT PENONTON-PENONTON DI PULAU PINANG.

oleh

MOHD JOHARI BIN MOHD SHARIF

Rancangan Komunikasi
Universiti Sains Malaysia
Pulau Pinang

1987

# DRAMA BERSIRI 'SANTAN BERLADA'

# SATU TINJAUAN TERHADAP PENDAPAT PENONTON-PENONTON DI PULAU PINANG

OLEH

MOHD JOHARI BIN MOHD SHARIF

RANCANGAN KOMUNIKASI

PUSAT PENGAJIAN ILMU KEMANUSIAAN

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

PULAU PINANG

1987

Istimewa untuk;

Abah,

Emak,

Abang,

Adik-adik dan

Mah.

Kepada Abah..., anakanda mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kerana telah bersusah payah memberikan segala keperluan dalam mengejar cita-cita anakanda.

Kepada Emak..., pengorbanan mu tidak akan anakanda lupakan sehingga akhir hayat.

Kepada Abang.., semuga kau bahagia di samping orang yang dikasihi.

Kepada Adik..., Abang harap Siti, Darmawi dan Shahrul berjaya dalam pencarianmu yang bakal akan kamu temui.

Kepada Mah...., Ketahuilah Abang Ajo akan tetap menyayangi mu.

# PRAKATA

Latihan Ilmiah ini adalah bercorak penyelidikan dan mempunyai kaitan secara langsung dengan bidang pengajian pengkaji. Latihan ini penting bagi pengkaji, walaupun ia tidak wajib diambil oleh pelajar komunikasi. Bagi pengkaji tanpa mengambil-nya dan lulus latihan ini, harapan pengkaji untuk lulus keperingkat Pengijazahan Sarjana Muda Sastera, di bawah Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan adalah tipis.

Latihan ini telah mendedahkan lagi pengkaji kepada kerja-kerja luar terutamanya semasa menjalankan soal-selidik. Dengan pengetahuan yang telah dipelajari selama empat tahun di USM pengkaji rasakan perlu dipraktikkan melalui Latihan Ilmiah. Tanpa Latihan Ilmiah kemungkinan segala apa yang dipelajari semasa di USM tidak akan dapat dipraktikkan. Dengan cara ini sahaja pengkaji berpeluang menggunakan segala teknik dan kaedah secara ilmiah dalam kajian ini. Di samping menyumbang beberapa idea yang dirasakan perlu dalam kajian ini.

Hasil-hasil kajian yang didapati oleh pengkaji dapat juga membantu penyelidik-penyelidik sebagia sumber rujukan dalam penyelidikan-penyelidikan mereka, yang berkaitan dengan kajian ini.

Sebagai hamba Allah yang tak lepas dari kesilapan, kemungkinan kajian ini tidak begitu menyeluruh. Namun begitu pengkaji telah menjalankan kajian ini semampu yang ada pada diri pengkaji, bagi menjayakan kajian ini.

Johari....'Mah'

## PENGHARGAAN

Berbanyak-banyak syukur kehadrat Ilahi kerana dengan izinNya, saya dapat menjalankan kajian ini dengan sempurna dan menyiapkan laporan ini. Sejak menjalankan kajian ini terlalu banyak rintangan dan tekanan yang dihadapi oleh saya, namun dapat saya tempuhnya dengan tabah kerana ia sesuatu yang lumrah bagi seseorang mahasiswa.

Kepada Penyelia saya, Dr. Hamima Dona Mustafa,
Saya mengucapkan jutaan terima kasih kerana sanggup meluangkan masa untuk saya, bagi memberi tunjuk ajar dalam menjalankan kajian ini.

Kepada semua Pensyarah di Rancangan Komunikasi,
Saya rakamkan setinggi-tinggi penghargaan kerana bersusah payah mendidik saya, selama empat tahun saya berada di sini.

Terima kasih juga pada kawan-kawan seperjuangan seperti Zainul Abidin, Jaki Omar, Hasmat dan lain-lain yang namanya tidak disebutkan di sini, kerana telah bersusah payah membantu saya dalam mengedar dan mengutip borang soal-selidik.
Pada penduduk Kg. Permatang Pasir dan Taman Tun Sardon, terima kasih sekali lagi kerana sanggup membantu saya mengisi borang soal-selidik.

Tidak juga dilupakan kepada rakan-rakan dalam Rancangan Komunikasi (Tahun Empat), yang sama-sama mengharungi hidup sebagai seorang pelajar di Universiti Sains Malaysia. Segala suka duka selama empat tahun kita di sini akan menjadi kenangan yang abadi dalam hidup saya.

Ku pohon sepuluh jari, di atas segala keterlanjuranku pada semua pihak jika terdapat salah dan silap dari awal sehingga keakhir kajian ini dijalankan.

Sekian,

Mohd Johari bin Mohd Sharif
Rancangan Komunikasi,
Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan,
Universiti Sains Malaysia,
1987.

# SINOPSIS

Latihan Ilmiah ini adalah merupakan satu kajian terhadap pendapat penonton-penonton pada drama bersiri 'Santan Berlada', yang telah disiarkan oleh Televisyen Malaysia di Rangkaian Pertama pada hari Khamis.

Kajian mengenai pendapat penonton ini hanya ditumpukan pada penilaian dan cadangan penonton pada drama tersebut. Bagi mendapatkan pendapat yang boleh mewakili penonton-penonton di Pulau Pinang, pengkaji telah memilih penonton-penonton di kawasan bandar dan di luar bandar. Kajian pengkaji bukanlah untuk membandingkan kedua-dua kawasan ini tetapi adalah untuk mendapatkan penilaian dan cadangan yang menyeluruh dari penonton-penonton di Pulau Pinang atau dengan kata lain untuk mendapatkan pendapat orang ramai (pendapat umum) berkenaan dengan drama bersiri 'Santan Berlada'.

Kawasan yang dipilih oleh pengkaji bagi tujuan kajian ini ialah di Kampung Permatang Pasir bagi kawasan luar bandar dan di Taman Tun Sardon bagi kawasan bandar. Setiap kawasan yang dikaji mengandungi 50 orang responden. Jadi keseluruhan responden yang dikaji ialah 100 orang.

Latihan Ilmiah ini terdiri dari 6 bab. Dalam bab 1 mengandungi tujuan kajian, rasional kajian dan ruang lingkup kajian. Dalam bab 2, berkenaan dengan kesan drama pada masyarakat, pertalian drama dengan komunikasi dan Drama Televisyen Malaysia.

Bab 3 pula adalah berkenaan dengan resensi-resensi bacaan yang berkaitan dengan kajian pengkaji.

Bab 4 ialah Kaedah Penyelidikan iaitu menerangkan beberapa kaedah yang digunakan oleh pengkaji.

Bab 5, adalah proses penganalisaan data-data yang dicatit dalam jadual-jadual di samping beberapa laporan hasil kajian yang didapati dalam borang soal-selidik.

Bab akhir, merupakan kesimpulan dari hasil-hasil, daripada penemuan kajian ini. Di samping itu juga mengandungi cadangan-cadangan pengkaji.